

'Saya dan Anwar perlu bersama untuk jatuhkan PN'

mb: 4

Sinar Harian - 14/6/2020

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan beliau dan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu bersama untuk menumbangkan kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Melalui satu wawancara khas bersama akhbar antarabangsa, *South China Morning Post (SCMP)*, Dr Mahathir yang mendakwa masih Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berkata, Pakatan Harapan (PH) Plus tidak mempunyai kekuatan untuk menukar kerajaan PN sekiranya beliau

dan Anwar tidak bekerjasama.

Katanya, beliau menyifatkan bukan Anwar yang bermasalah dengannya, sebaliknya kedudukan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dibimbangi akan memberi kelebihan kepada bekas Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak.

“Sekiranya kami tidak bersama, kami tidak akan mempunyai tunjang kekuatan yang diperlukan untuk menumbangkan kerajaan sedia ada dengan keadaan kerajaan sekarang hanya memiliki majoriti tipis,” katanya sewaktu ditemuramah akhbar itu kelmarin.